

SEJARAH PERKEMBANGAN
BANDARAYA IPOH DAN
SENIBINA PENINGGALAN
PENJAJAH

NAMA : RAJA MAZRUL KAMARULZAMAN B RAJA
ABDUL MALEK MUZAFFAR SHAH
K/P PERSEKUTUAN : A 1467888
K/P ITM : 92025084
TAHUN AKADEMIK : JULAI 1993

TAJUK KAJIAN : SEJARAH PERKEMBANGAN BANDARAYA
IPOH DAN SENIBINA PENINGGALAN
PENJAJAH

TUJUAN UTAMA

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah Bandaraya Ipoh dari mula hingga sekarang. Beberapa aspek mengenai Senibina dan pembangunan semasa penjajahan dahulu dibentangkan dengan lebih terperinci.

Corak penempatan awal di sepanjang Sungai Kinta ditekankan kerana disini lah bermulanya bandar tersebut

PENGHARGAAN

Sesungguhnya di dalam kehidupan kita seharian, kita tidak dapat lari daripada bergantung dan berhubung sesama insan yang lain. Konsep hidup tidak boleh hanya tertumpu pada sifat keindividuel sahaja kerana hidup ini adalah satu arah perjalanan yang harus ditempuhi dan dilalui bersama-sama insan yang hidup di bumi Allah S.W.T ini.

Justeru itu, dalam melaksanakan satu kertas kerja yang mempunyai kesan-kesan sejarah senibina adalah tidak semudah yang disangkakan. Di dapati ianya banyak memerlukan pertolongan dan kerjasama serta penglibatan yang serius dari penulis sendiri, penduduk tempatan dan juga badan-badan tertentu.

Dengan itu di sini ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan satu penghargaan khas mereka yang berkenaan dengan ucapan 'ribuan terima kasih yang tidak terhingga'.

Penghargaan khas ini saya

.....tujuhan kepada penyarah yang
bertugas iaitu Encik Amran Bin Abdul
Rahman yang telah memberi nasihat dan

KANDUNGAN**MUKASURAT****BAB 1: SINOPSIS**

| | |
|------------------------------|-------|
| 1.0 Pengenalan | 4-5 |
| 1.1 Definasi kajian | 6 |
| 1.2 Latar belakang kajian | 7 |
| 1.3 Pemilihan kawasan kajian | 8 |
| 1.4 Kepentingan kajian | 9 |
| 1.5 Objektif kajian | 10-11 |

BAB 2: DARI ASPEK SEJARAH

| | |
|--|-------|
| 2.0 Negeri Perak sepantas lalu | 13-15 |
| 2.1 Bandar Ipoh secara fizikal | 16-17 |
| 2.2 Keterangan ringkas sejarah bandar Ipoh | 18-26 |
| 2.3 Ringkasan sejarah Inggeris di Negeri Perak | 27-33 |

BAB 3 : PENDEKATAN KAWASAN KAJIAN

| | |
|---|-------|
| 3.0 Perkembangan bandar Ipoh ibu negeri Perak secara terperinci | 34-40 |
| 3.1 Pertukaran pusat pentadbiran daripada Taiping ke Ipoh | 41-45 |
| 3.2 Pentadbiran Sanitary Board | 46-49 |
| 3.3 Sejarah Perundang Negeri Perak (Ipoh) | 50-53 |

| | | |
|-----|--|-------|
| 3.4 | Pembangunan insfraktruktur sebelum merdeka | 54-58 |
| 3.5 | Ipoh dan perusahaan perlombongan | 59-64 |
| 3.6 | Kedatangan kaum Cina dan India ke Bandar Ipoh | 65-69 |
| 3.7 | Pendidikan (sosial) | 70-73 |
| 3.8 | Perhubungan dan pengangkutan | 74-76 |

**BAB 4 : SENIBINA PENINGGALAN PENJAJAH
DI BANDAR IPOH HINGGA KINI**

| | | |
|-----|---|-------|
| 4.0 | Pengenalan | 77 |
| 4.1 | Sejarah pembangunan awal | 78-79 |
| 4.2 | Terbentuknya rumah-rumah kolonial Inggeris | 80 |
| 4.3 | Ciri-ciri rekabentuk bangunan | 81-83 |
| 4.4 | Bangunan kes kajian -Muzium Darul Ridzuan | 84-86 |

**BAB 5 : RUMUSAN SERTA CADANGAN KE ATAS BANDAR
DAN BANGUNAN DI BANDAR IPOH**

| | | |
|-----|------------------|-------|
| 5.0 | Pengenalan | 87 |
| 5.1 | Aspek masa depan | 88-89 |

BAB SATU : PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Kajian akhir ini merupakan salah satu syarat sebagai memenuhi kehendak Jabatan Senibina bagi penganugerahan Diploma Senibina. Tajuk ini dipilih adalah di atas kesedaran terhadap betapa pentingnya semua golongan masyarakat untuk mengertahui akan sejarah perkembangan penjajah yang telah dibina dalam zaman kolonial.

Antara yang diutamakan dalam kajian ini ialah dari aspek sejarah bandar dan juga sejarah bangunan yang dibina. Kebanyakan bangunan yang dibina adalah bertujuan untuk menempatkan jentera pentadbiran British pada masa tersebut di Tanah Melayu.

Rekabentuk senibina pada bangunan-bangunan tersebut kebanyakannya berdasarkan kepada senibina yang terdapat di Britain kerana kebanyakan arkitek dan jurutera dibawa dari sana. Dengan itu sudah pastilah mereka akan menggunakan idea-idea yang dibawa dari sana.